

13 MAY 2000

MAHATHIR : ADA CUBAAN BURUKKAN PAK LAH SEBAGAI TPM

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat usaha oleh pihak tertentu untuk memburuk-burukkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pihak ini memburuk-burukkan Abdullah kerana mereka mahukan orang lain, kata perdana menteri kepada pemberita di akhir perhimpunan agung Umno ke-54 di sini hari ini.

"Kita tahu ada pihak yang bersungguh-sungguh mempengaruhi Umno supaya menolak timbalan saya dan juga saya sendiri.

"Mereka mahukan orang lain, mungkin calon mereka sendiri. Mereka ini mempunyai kepentingan tersendiri.

"Mereka fikir jika orang lain menjadi DPM, mereka akan mendapat imbuhan, akan mendapat kerja mungkin sebagai setiausaha politik, mendapat lesen, saham..." katanya.

Dr Mahathir berkata rasuah seperti itu berkait rapat dengan apa yang ditawarkan semasa Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi timbalan perdana menteri.

Katanya, sebagai Menteri Kewangan dahulu, Anwar mempunyai banyak kuasa dan memberikan kepada kroni-kroninya saham, kontrak, memegang jawatan yang bergaji lumayan dan sebagainya.

-- BERNAMA

SHO AD MAI